Experts

# Pembelajaran bahasa asing melalui homonim silang bahasa: Bahasa Melayu dan Korea

Mon, 08/04/2025 - 08:55

**Pengenalan Kepada Konsep ‘Homonim’**

Dalam dunia linguistik, keunikan sesuatu bahasa sering terserlah melalui fenomena ‘homonim’, iaitu perkataan yang mempunyai sebutan atau ejaan yang sama, tetapi membawa makna yang berbeza. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, homonim ditakrifkan sebagai perkataan yang sama bentuk (sebutan atau ejaan) tetapi berlainan makna. Fenomena ini bukan sahaja mencerminkan kekayaan semantik sesebuah bahasa, malah turut menguji kecekapan penutur dalam memahami makna berdasarkan konteks penggunaannya.

Dalam beberapa kajian, homonim dikenal pasti sebagai aspek linguistik yang signifikan dalam pengajaran bahasa kerana ia menuntut kefahaman kontekstual dan kepekaan terhadap pelbagai lapisan makna. Justeru, penerokaan terhadap homonim bukan sahaja membantu dalam memahami struktur dan makna bahasa, malah membuka ruang kepada perbandingan lintas bahasa, misalnya antara bahasa Melayu dan Korea yang dapat memperkayakan lagi pengalaman pembelajaran pelajar.

Meskipun kedua-dua bahasa ini berasal daripada rumpun yang berbeza, terdapat beberapa perkataan yang kebetulan mempunyai sebutan yang sama atau hampir sama, namun membawa makna yang berbeza. Fenomena ini merangkumi apa yang dikenali sebagai homonim silang bahasa (*cross-linguistic homonyms*), yang wajar diberi perhatian dalam konteks pembelajaran bahasa asing.

**Contoh Perbandingan Homonim Bahasa Melayu dan Korea**

| Perkataan (Sebutan) | Maksud dalam Bahasa Melayu | Maksud dalam Bahasa Korea |
|---|---|---|
| 반장<br>Pan-jang | Ukuran dari hujung ke pangkal | Ketua kelas |
| 그냥<br>Ke-nyang | Hilang rasa lapar | "..hanya...", "....saja..." |
| 사랑<br>Sa-rang | Tempat diam burung, tikus dll. | Perasaan cinta |
| 나가<br>Na-ga | Makhluk rekaan seperti buaya atau ular, bersayap dan berkuku cekam, boleh menghembuskan api | Keluar dari satu tempat seperti rumah atau bilik |
| 사양<br>Sa-yang | Mengasihi | Penolakan, keengganan |
| 맞다<br>Mat-ta | Pancaindera untuk melihat | Betul, tepat |
| 나비<br>Na-bi | Orang yg dipilih Allah untuk menerima wahyu. | Rama-rama |
| 맛<br>Mat | Singkatan nama panggilan nama lelaki seperti Mohamad | Rasa; manis, pahit, masam dll. |
| 나시<br>Na-si | Beras yang telah ditanak atau dikukus | **Sebutan "si" dalam Bahasa Korea adalah "shi".<br>Na-si → Na-shi.<br>Baju tanpa lengan |
| 소통<br>So-tong | Nama sejenis binatang lunak yang bersesungut panjang dan bertulang satu | Komunikasi |
| 비상<br>Pi-sang | Sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya) yang bermacam-macam jenis | Kecemasan |

Nota: Ejaan dalam bahasa Korea diberikan dalam transliterasi (romanisasi) untuk memudahkan sebutan bagi pembaca bukan Korea.

**Aspek Penting Dalam Mempelajari Homonim Silang Bahasa Korea-Bahasa Melayu**

Fenomena homonim silang bahasa antara bahasa Korea dan Melayu membawa nilai linguistik yang unik serta potensi besar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Namun, untuk memanfaatkannya secara efektif, terdapat beberapa aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh pendidik dan pelajar.

Pertama, aspek konteks merupakan elemen paling kritikal dalam memahami makna sebenar sesuatu perkataan homonim. Walaupun perkataan seperti 'pan-jang' kedengaran serupa dalam kedua-dua bahasa, maknanya sangat berbeza. Dalam bahasa Korea, ?? (pan-jang) merujuk kepada ketua kelas, manakala dalam bahasa Melayu, 'panjang' merujuk kepada ukuran sesuatu objek. Tanpa pertimbangan konteks, pelajar mungkin menyalah tafsir maksud yang disampaikan dalam situasi komunikasi tertentu. Justeru, pembelajaran bahasa asing memerlukan pelajar menguasai bukan

sahaja bentuk bunyi atau ejaan, tetapi juga kebolehan untuk mengenal pasti dan mentafsir konteks penggunaan dengan tepat.

Kedua, perbezaan fonetik dan nuansa sebutan perlu diberi perhatian khusus. Walaupun terdapat persamaan bunyi antara sesetengah perkataan dalam kedua-dua bahasa, terdapat juga perbezaan dari segi intonasi, panjang pendek vokal, tekanan suku kata dan ritma pertuturan. Sebagai contoh, perkataan ‘mat’ dalam bahasa Melayu ialah nama singkatan bagi Mohamad, manakala dalam bahasa Korea, ? (mat) membawa maksud ‘rasa’ atau ‘cita rasa’. Walaupun kedengaran hampir serupa, perbezaan sebutan masih wujud dan menjadi penanda aras kepada kefasihan seseorang penutur asing. Pelajar perlu dilatih untuk lebih peka terhadap kelainan fonetik ini agar dapat menghasilkan sebutan yang lebih tepat.

Ketiga, adalah penting untuk difahami bahawa persamaan bunyi antara perkataan dalam kedua-dua bahasa berlaku secara kebetulan dan tidak berpunca daripada hubungan etimologi atau sejarah bahasa. Bahasa Melayu tergolong dalam rumpun Austronesia, manakala bahasa Korea berasal daripada keluarga bahasa Koreanik. Oleh itu, sebarang persamaan bunyi bukanlah petunjuk kepada perkaitan asal-usul bahasa, sebaliknya hanyalah fenomena linguistik rawak yang boleh digunakan secara bijak untuk tujuan pembelajaran.

Keempat, penggunaan homonim silang bahasa dalam kelas bahasa asing perlu dilaksanakan secara terancang dan kontekstual. Guru harus menyediakan contoh-contoh penggunaan dalam ayat, aktiviti perbandingan makna dan permainan bahasa yang merangsang pelajar untuk berfikir secara kritis tentang makna dan penggunaan perkataan. Selain itu, strategi seperti ilustrasi visual, lakonan situasi, atau peta minda homonim boleh membantu pelajar mengingati dan membezakan maksud dengan lebih mudah.

Akhir sekali, penerapan homonim dalam pembelajaran bahasa asing mampu meningkatkan kesedaran metalinguistik pelajar iaitu keupayaan mereka untuk menganalisis dan memahami struktur dan makna sesuatu bahasa dari sudut pandang yang lebih tinggi. Ini bukan sahaja memperkukuh penguasaan bahasa asing, malah mengasah daya fikir aras tinggi dalam kalangan pelajar.

Secara keseluruhannya, aspek-aspek penting ini menjadi landasan utama dalam menjadikan homonim silang bahasa sebagai alat bantu pedagogi yang berkesan. Dengan pendekatan yang betul, homonim bukan sahaja membantu dari segi ingatan dan penguasaan kosa kata, malah turut membentuk pelajar yang lebih peka terhadap keindahan dan kerumitan bahasa.

**Potensi Penggunaan Homonim Silang Bahasa Sebagai Alat Pembelajaran Bahasa Asing**

Homonim silang antara bahasa Korea dan Melayu bukan sahaja menjadi bahan menarik dari sudut linguistik, tetapi juga menawarkan potensi besar sebagai alat bantu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Beberapa kelebihan pedagogi dapat dikenal pasti apabila elemen homonim ini diterapkan secara terancang di dalam kelas.

Pertama, homonim silang bahasa bertindak sebagai alat mnemonik semula jadi yang berkesan. Persamaan bunyi antara perkataan dalam bahasa Korea dengan perkataan yang sudah dikenali dalam bahasa Melayu memudahkan pelajar untuk mengingat sesuatu kosa kata asing. Sebagai contoh, pelajar yang belajar perkataan ‘pan-jang (??)’ dalam bahasa Korea yang bermaksud ‘ketua kelas’, akan lebih mudah mengingatinya kerana mereka mengaitkannya dengan perkataan ‘panjang’ dalam bahasa Melayu yang telah sedia difahami. Hubungan bunyi yang tidak disengajakan ini membantu pelajar membina hubungan kognitif yang lebih kuat antara bahasa asing

dan bahasa ibunda mereka.

Kedua, fenomena ini juga berfungsi sebagai alat untuk meningkatkan minat dan rasa ingin tahu dalam kalangan pelajar. Fakta linguistik seperti ini sering menjadi bahan yang menyeronokkan, seakan-akan fun facts yang mencetuskan rasa teruja. Elemen kejutan atau kelucuan yang wujud apabila pelajar menyedari bahawa terdapat perkataan dalam bahasa Korea yang sebutannya menyerupai bahasa Melayu tetapi membawa makna yang berbeza, menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan. Dalam banyak kes, elemen ini mampu mengurangkan tekanan pelajar terhadap penguasaan bahasa asing, sekali gus menjadikan suasana pembelajaran lebih santai dan efektif.

Ketiga, pendedahan kepada homonim silang ini turut mengasah kesedaran metalinguistik pelajar. Melalui perbandingan makna dan bunyi antara dua bahasa, pelajar bukan sahaja mempelajari kosa kata baharu, tetapi turut memerhati perbezaan struktur linguistik dan keunikan budaya yang dibawa oleh setiap bahasa. Proses ini memperkuat keupayaan pelajar untuk menganalisis bahasa secara lebih kritis, memupuk kefahaman tentang bagaimana sesuatu makna dibentuk dan diinterpretasikan dalam konteks yang berbeza. Keupayaan ini sangat berguna dalam pembelajaran bahasa asing kerana ia membina asas kepada kemahiran berfikir aras tinggi dan kesedaran silang budaya.

Potensi ini dapat dilihat semasa program Nextgen Camp yang diadakan di Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada 30 Mei 2025. Ketika sesi pengajaran bahasa Korea dan Melayu, tenaga pengajar telah menggunakan pendekatan homonim silang bahasa antara bahasa Korea dan Melayu kepada peserta program yang berumur antara 10 hingga 12 tahun seramai 59 orang. Majoriti daripada mereka tidak pernah mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Korea sebelum ini. Walau bagaimanapun, sesi pembelajaran perkataan bahasa Korea menggunakan homonim itu dapat dilihat membantu peserta mengingati perkataan bahasa Korea dengan pantas dan berkesan dalam masa kurang dari setengah jam. Ini dibuktikan apabila tenaga pengajar membuat aktiviti kuiz menggunakan padanan gambar dan majoriti daripada mereka dapat memadankan perkataan bahasa Korea dengan maksud bahasa Melayu dengan tepat. Peserta dilihat berminat dan menunjukkan rasa ingin tahu yang tinggi dengan memberi respons yang menggalakkan.

Secara keseluruhan, penggunaan homonim silang bahasa Korea–bahasa Melayu dalam Kursus Bahasa Asing bukan sekadar satu bentuk variasi dalam pengajaran, malah merupakan strategi pedagogi yang menyokong perkembangan kognitif, linguistik dan afektif pelajar secara holistik. Dengan pendekatan yang kreatif dan kontekstual, guru boleh memanfaatkan potensi ini untuk memperkaya pengalaman pembelajaran bahasa asing dalam kalangan pelajar

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, homonim silang bahasa antara bahasa Melayu dan Korea bukan sahaja memperlihatkan keunikan linguistik, tetapi juga menawarkan peluang pedagogi yang bernilai tinggi. Penerapan fenomena ini dalam pengajaran bahasa asing mampu merangsang minat pelajar, mengukuhkan ingatan, dan meningkatkan kesedaran linguistik mereka.

Dengan pendekatan yang tepat, fenomena homonim boleh dijadikan sebagai alat bantu pengajaran yang efektif, terutamanya dalam konteks pelajar Malaysia yang mempelajari bahasa asing. Justeru, adalah wajar untuk guru bahasa meneroka lebih banyak pasangan homonim lintas bahasa dalam usaha memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar secara holistik, kreatif dan kontekstual.

**Rujukan**

Kamus Dewan Edisi Keempat. https://prpm.dbp.gov.my

Abidin, A. M. Z., & Amzah, N. (2024, February 8). Analisis Homofon, Homonim dan Homograf dalam Dialek Melayu Kelantan dan Bahasa Jepun dengan Menggunakan Analisis Kontrastif. https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/569

Tode, N. E., Kroon, Y. B., & Kabelen, A. H. (2025, June 12). A study of homonym in Kupang-Malay language used by the Eighth-Semester Students of English Study Program of Nusa Cendana University in the academic year of 2024. https://engagejournal.id/index.php/Engagejournal/article/view/37

Lu, Y., & Morgan, J. L. (2020). Homophone auditory processing in cross-linguistic perspective. Proceedings of the Linguistic Society of America, 5(1), 529. https://doi.org/10.3765/plsa.v5i1.4733

Kharkhurin, A. V. (2007). The role of Cross-Linguistic and Cross-Cultural experiences in bilinguals' divergent thinking. In Springer eBooks (pp. 175–210). https://doi.org/10.1007/978-1-4020-5935-3_6



Oleh: Mahzaton Aqma Abu Talip
E-mel: mahzaton@umpsa.edu.my
Guru Bahasa Korea
Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Andullah (UMPSA)



Oleh: Zatul Amrah Mohammad Nazri
E-mel: amrahz@umpsa.edu.my
Guru Bahasa Korea
Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



Oleh: Nor Safura Nordin
E-mel: safuranordin@umpsa.edu.my
Felo Perunding Bahasa Korea
Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



Oleh: Dr. Wan Jumani  Fauzi
E-mel: jumani@umpsa.edu.my
Ketua Program Jabatan Bahasa Asing
Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

- 203 views

View PDF